



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur

Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.

---

( 64 )KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 36

10 September 2009

Pengarang  
The Star

Tuan/Puan,

<b>Akhbar</b>	<b>:</b>	<b>The Star</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>21 Ogos 2009</b>
<b>Muka surat</b>	<b>:</b>	<b>M15</b>
<b>Tajuk</b>	<b>:</b>	<b>Isn't Road Shoulder Public Area?</b>

Merujuk kepada artikel dari akhbar The Star bertajuk “**Isn't Road Shoulder Public Area?**”, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pengirim dan pihak The Star kerana mengenangkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah meneliti laporan dan membuat semakan terhadap permasalahan yang dikemukakan berkenaan aktiviti membuat penambahan atau pertambahan di bahu jalan.

Bahu jalan sebenarnya merupakan kawasan awam dan hak milik bersama yang biasanya dibaiki dan diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh hal yang demikian, tiada sesiapa pun dibenarkan membuat apa-apa perubahan atau pertambahan di atas bahu jalan melainkan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

**Dikeluarkan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**